

OGOS
2022

Aspirasi
Keperibadanan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknpp.gov.my



Daulat Tuanku

Merafak Sembah dan Setinggi-Tinggi Tahniah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong
Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Al-Marhum
Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj Tengku Ampuan Pahang

sempena
Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-62
Pada 5 Ogos 2022 Bersamaan 7 Muharam 1444 Hijrah

Sembah Takzim daripada
Pengerusi,
Ahli Perbadanan, Pengurusan
serta
Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP



MERAFAK SEMBAH DAN SETINGGI - TINGGI UCAPAN TAHNIAH

Sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke - 62 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong pada 5 Ogos 2022 bersamaan 7 Muharam 1444 Hijrah.

Sembah Takzim daripada Pengerusi, Ahli Perbadanan, Pengurusan serta Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP.

PKNP SERTAI PAHANG STATE - GLC CEOs CONFERENCE 2022

Langkawi, 19 Ogos - Delegasi yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah menghadiri Pahang State - GLC CEOs Conference 2022 pada 19 Ogos 2022 di Hotel Adya, Langkawi yang dirasmikan oleh YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail.

Program ini diadakan bertujuan untuk melihat pelaksanaan, pengoperasian aktiviti perniagaan dan usahasama antara kerajaan Negeri Pahang dan anak syarikat kerajaan Negeri selaras dengan hala tuju dan pembangunan Negeri Pahang. PKNP bersama 9 anak syarikat Negeri Pahang yang lain telah membentangkan prestasi bagi tahun 2021 dan setengah tahun 2022 serta pelan hala tuju bagi 2023.

YAB. Menteri Besar Pahang dalam ucapannya turut menyatakan bahawa PKNP berjaya menyelesaikan hutang CIMB bank sebanyak RM 200 juta. Malah, PKNP turut menyumbang RM 500,000 kepada kerajaan Negeri Pahang.

Setelah seharian para delegasi terlibat dalam persidangan, keesokkannya pada 20 Ogos 2022 telah diadakan pertandingan boling dan golf di antara anak syarikat kerajaan Negeri Pahang.



Delegasi PKNP mengabadikan kenangan bersama YAB. Menteri Besar Pahang dani barisan Exco Negeri Pahang

PKNP berjaya merangkul tempat pertama dalam acara berpasukan boling lelaki. Pasukan boling lelaki PKNP diwakili oleh Tuan Haji Md Daud bin Abd Rahman, Kapl Azis bin Muhammad dan Encik Muhammad Farhan bin Mohd Kamarulzaman.

Turut hadir adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus Perindustrian, Tuan Hj Md Daud bin Abdul Rahman, Pengurus Hartanah, Kapl. Azis bin Muhammad, Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim, Pengurus Unit Pemantauan Perniagaan, Encik Rahmat bin Hussin dan wakil Bahagian Hal Ehwal Korporat.

YB. TIMBALAN MENTERI KEWANGAN 1 RASMI MAJLIS PECAH TANAH PROJEK PPD PANCHING MILIK PKNP



PKNP merakamkan ucapan tahniah di atas kesudian YB. Dato' Indera Mohd Shahr hadir dan merasmikan majlis pecah tanah

Panching, 28 Ogos - YB. Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan 1 merangkap Ahli Parlimen Paya Besar, Kuantan telah merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) Panching, Kuantan kira - kira jam 10.30 pagi.

Majlis turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaifar.

Projek PPD Panching merupakan projek Rancangan Malaysia ke - 12 yang melibatkan pembangunan 4 unit kedai 1 setengah tingkat dengan kos keseluruhan berjumlah RM 2.38 juta melalui peruntukan geran dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Menurut YH. Dato' Mohd Faizal, Projek PPD Panching ini merupakan pemangkin kepada pembangunan di kawasan ini selaras dengan peranan PKNP sebagai penggerak kemakmuran ekonomi Negeri Pahang. Tambah beliau, kerja - kerja pembinaan PPD Panching telah bermula pada 25 April 2022 dan dijadualkan siap pada 11 September 2023 melibatkan tempoh 72 minggu.

Beliau turut berterima kasih kepada YB. Dato' Indera Mohd Shahr yang banyak membantu PKNP dalam mendapatkan peruntukan bagi projek ini. Tidak dilupa juga kepada Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan, Pejabat Tanah dan Galian Pahang yang membantu urusan kelulusan permohonan tanah serta Majlis Bandaraya Kuantan dan jabatan - jabatan teknikal yang lain dalam menyelaraskan urusan kelulusan kebenaran merancang Projek PPD Panching. Diharapkan projek ini dapat memberi manfaat kepada usahawan yang terlibat dan memberi limpahan ekonomi kepada penduduk setempat.

SEKALUNG TAHNIAH KEPADA AHLI PERBADANAN PKNP - YH. DATO' AHMAD SUHAIMI BIN ENDUT

Tahniah diucapkan kepada YH. Dato' Ahmad Suhaimi bin Endut di atas penganugerahan Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (DSAP) yang membawa gelaran Dato' sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke - 63 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada 1 Ogos 2022 (Isnin) bersamaan 3 Muharam 1444H bertempat di Balairung Seri Istana Abu Bakar, Pekan, Pahang Darul Makmur.

Ikhlas daripada Pengerusi, Ahli Perbadanan, Pengurusan dan Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP.



Tahniah
Diucapkan kepada

YH. Dato' Ahmad Suhaimi bin Endut

Ahli Perbadanan PKNP

atas kurniaan

Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (DSAP) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-63 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang

yang membawa gelaran Dato'

Ikhlas daripada Pengerusi, Ahli Perbadanan, Pengurusan dan Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP.



SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN KE-65



LAWATAN TAPAK YB. DATO' ABDUL RAHIM BIN MUDA KE KOMPLEKS TERUNTUM

Kuantan, 11 Ogos - Exco Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang, YB. Dato' Abd Rahim bin Muda telah mengadakan lawatan tapak ke Kompleks Teruntum, Kuantan.

Hadir bersama adalah Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek dan Pengurus - Pengurus yang terlibat.

Lawatan kali ini bertujuan untuk meninjau ruang terbuka di sebelah CIMB Bank Kompleks Teruntum dan membincangkan potensi pembukaan laluan baharu di lokasi tersebut.

Dengan adanya laluan baharu ini diharapkan dapat memudahkan akses laluan orang ramai ke Kompleks Teruntum dan seterusnya menghidupkan kembali kompleks ini.



YB. Dato' Abd Rahim bin Muda mengadakan perbincangan bersama YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar

35 ANGGOTA PEKERJA PKNP MENYERTAI PERARAKAN HARI KEBANGSAAN



Hari Kemerdekaan peringkat Negeri Pahang disambut meriah dengan kehadiran ramai pengunjung yang ingin mengambil peluang menyaksikan hari bersejarah ini

Kuantan, 31 Ogos - Seramai 35 anggota pekerja Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) telah menyertai perarakan sempena Hari Kebangsaan ke - 65 peringkat Negeri Pahang yang berlangsung di Padang Majlis Bandaraya Kuantan (MBK 4), Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Kontinjen yang diketuai oleh Encik Dino Rizal bin Kamaruzzaman ini menyarung baju korporat bertemakan warna - warna pada bendera Malaysia.

Malah, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dan Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim turut hadir memberikan sokongan.

Tahniah kepada semua anggota kontinjen PKNP yang telah menunjukkan tahap disiplin yang tinggi dan memberikan kerjasama yang baik.

MAJLIS PENGHARGAAN KONTINJEN PERARAKAN BERSAMA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Kuantan, 1 September - Ketua Pegawai Eksekutif Pknp, YH. Dato' Mohd Faizal Bin Jaafar Hadir telah menyampaikan ucapan penghargaan kepada barisan kontinjen dan urusetia PKNP yang terlibat dalam perarakan Hari Kebangsaan ke - 65 dalam satu majlis ringkas di Tingkat 16, Kompleks Teruntum.

Turut hadir adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP (Pengurusan), Yang Berbahagia Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek dan Pengurus - Pengurus yang terlibat.



YH. Dato' Mohd Faizal berharap PKNP dapat menaiki podium sebagai salah satu pasukan yang terbaik dalam perarakan Hari Kebangsaan pada tahun hadapan.

MAJLIS PELANCARAN DASAR DAN PELAN TINDAKAN WANITA PAHANG

Kuantan, 27 Ogos - Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Yang Berbahagia Datin Noraskin binti Jamaludin menghadiri Majlis Pelancaran Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang di Hotel Zenith, Kuantan.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Pahang, YB. Dato' Sri Shahaniza Shamsudin mewakili YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail.

Datin Hajah Noraskin bin Jamaludin dilantik sebagai ketua bagi kluster pekerjaan dan program ini turut dihadiri oleh ahli - ahli kluster pekerjaan iaitu Pengurus ICT PKNP, Puan Nor Azilah binti Aziz, Penolong Pengurus Perindustrian, Puan Dhaleazafarina binti Md Zabani, Puan Hamidah binti Abdul Ghani, Puan Nurul Diana binti Anayan dan Puan Saniyah binti Mohamed.

Pada majlis ini diadakan penyampaian Anugerah Tokoh Wanita Negeri Pahang dan bantuan kewangan kepada usahawan kecil wanita dan usahawan kecil ibu tunggal di Negeri Pahang.




Kluster pekerjaan terdiri daripada anggota pekerja PKNP dan anak syarikat yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin



HARI KEMERDEKAAN PERINGKAT NEGERI PAHANG KALI KE - 65



MAJLIS PECAH TANAH PPD PANCHING



Edang Redaksi

PENAUANG / PENASIHAT
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasi
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

JURUFOTO
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman